

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 Mac 2017

SOALAN

Puan Rubiah Binti Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan langkah dan usaha Kerajaan bagi menggalakkan wanita menyertai dan kembali dalam bidang pekerjaan dan kerjaya bagi mengelakkan pembaziran guna tenaga mahir di kalangan wanita dan seterusnya membantu keluarga menghadapi tekanan kos sara hidup yang terus meningkat terutama ketika negara menuju ke arah menjadi negara maju.

JAWAPAN

Kementerian sentiasa memberi komitmen untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam pembangunan negara bagi mengelakkan pembaziran guna tenaga mahir di kalangan wanita. Kerajaan melihat usaha ini adalah penting kerana kadar penyertaan tenaga kerja wanita di Malaysia pada suku ketiga 2016 adalah di tahap 54.2% berbanding lelaki iaitu 80.1%. Di sektor informal pula, pada tahun 2015, 49.1% daripada jumlah keseluruhan 1.4 juta penduduk yang bekerja di sektor informal adalah wanita. Menyedari hakikat ini, Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita dari 47.9% pada tahun 2011 kepada 55% pada tahun 2015. Perbincangan strategik ini adalah tepat pada masanya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 di bawah Program Transformasi Ekonomi. Objektif untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita ini telah diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (Ke-11) di mana sasaran baru adalah untuk mencapai penyertaan 59% wanita dalam tenaga kerja pada tahun 2020. Antara inisiatif yang telah dirancang oleh Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja adalah seperti berikut: (i) Meningkatkan akses kepada Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE) dengan menggalakkan penambahan pusat jagaan dan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti di komuniti, tempat kerja awam dan swasta. Apabila terdapat ECCE yang efektif, wanita akan dapat menyertai pasaran tenaga kerja dengan tenang; (ii) Melipatgandakan persekitaran kerja yang lebih kondusif dengan memastikan sistem sokongan terhadap wanita dalam menyertai bidang pekerjaan dapat dipenuhi dengan menggalakkan amalan kerja dan kehidupan yang seimbang (work life balance), amalan kerja anjal (flexible working arrangements) termasuk pilihan untuk bekerja dari rumah; (iii) Memperluaskan akses kepada pekerjaan melalui Program 1Malaysia Support for Housewives (1MS4H) yang merupakan salah satu initiative National Blue Ocean Strategy (NBOS). Program ini bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi suri rumah daripada isi rumah berpendapatan rendah (LIH) melalui program Pendaftaran dan Penempatan Suri Rumah Melalui Portal Jobs Malaysia; (iv) Memperluas program “kembali bekerja” seperti yang dilaksanakan oleh TalentCorp untuk menggalakkan wanita yang berkecualan yang telah keluar dari tenaga kerja disebabkan komitmen keluarga untuk kembali bekerja melalui kerjasama dengan pihak swasta; (v) Insentif pengecualian cukai bagi majikan yang menyertai program “kembali bekerja” seperti yang dilaksanakan oleh TalentCorp; (vi) Program-program pengupayaan ekonomi wanita dan pengupayaan kapasiti melalui bimbingan perniagaan bagi membantu wanita untuk menjalankan perniagaan seperti Inkubator Keusahawanan Wanita, Jejari Bestari dan Projek Teksi Wanita; dan (vii) Penganugerahan Life at Work Awards yang dilaksanakan dengan kerjasama, TalentCorp bagi mengiktiraf majikan yang mempunyai amalan kerja mesra keluarga di tempat kerja. Dengan adanya inisiatif-inisiatif seumpama ini, Kerajaan mensasarkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja dapat terus ditingkatkan dan seterusnya membantu keluarga menghadapi tekanan kos sara hidup yang terus meningkat terutama ketika negara menuju ke arah menjadi negara maju.

